

03 MAR 1998

PEMBATALAN LARANGAN JUALAN SINGKAT PERLU PERTIMBANGAN TELITI, KATA PM

PETALING JAYA, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kajian semula untuk membatalkan larangan ke atas jualan singkat perlukan pertimbangan dengan teliti kerana ia boleh mengakibatkan pasaran saham berbalik kepada arah aliran menurunnya.

"Itu perlu dikaji semula dengan amat teliti... kita sentiasa merasakan bahawa memandangkan keadaan (pasaran) telah kembali kepada agak normal, kita boleh berhentikan sesuatu (larangan), yang sebenarnya adalah berfaedah.

"Adalah penting bahawa apabila keadaan kembali normal, kita tidak patut terlalu tergesa-gesa (dalam melaksanakan) kerana ia boleh menyebabkan masalah," katanya.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Datuk Dr Munir Majid baru-baru ini berkata bahawa SC sedang mengkaji semula larangan ke atas jualan singkat saham-saham tempatan memandangkan Bursa Saham Kuala Lumpur telah menjadi stabil.

BSKL membenarkan satu bentuk jualan singkat terkawal bagi 50 saham yang diluluskan dari 1996. Bagaimanapun, ini dilarang pada Ogos tahun lalu apabila terdapat kemerosotan berpanjangan di dalam harga-harga saham disebabkan kegawatan matawang serantau.

Jualan singkat merujuk kepada penjualan saham-saham yang tidak dimiliki seseorang dengan harapan membelinya pada harga lebih murah kemudian untuk memperolehi keuntungan.

Di bawah bentuk jualan singkat terkawal, pelabur-pelabur perlu mempunyai kemudahan pinjaman saham dan pemberian pinjaman supaya tiada penjualan singkat tidak berjaminan berlaku.

Presiden BSKL Datuk Salleh Majid baru-baru ini mengulas bahawa kajian semula SC itu mungkin bermaksud bahawa larangan jualan singkat boleh dibatalkan.

Beliau juga berkata bahawa pihak berkuasa sedar terhadap pro dan kontra jualan singkat. -- BERNAMA

AD OS